

# 11 negara mohon sertai Gatt

Oleh Isa Nikmat

SEBELAS negara termasuk China, Taiwan dan Algeria dijangka menganggotai Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (Gatt) tidak lama lagi, menjadikan ahli institusi perdagangan antarabangsa itu meningkat daripada 105 kepada 116.

Sehubungan itu, Sekretariat Gatt di Geneva menubuhkan 11 jawatankuasa kerja untuk mengkaji permohonan 11 negara berkenaan baru-baru ini. Yang terbaru ialah jawatankuasa kerja Gatt untuk Taiwan.

Pemohon lain ialah Paraguay, Bulgaria, Nepal, Honduras, Mongolia, Panama, Solvenia dan Equador.

Kaunselor Teknikal, Sekretariat Gatt, Raymond J Krommenacker, berkata jawatankuasa kerja yang dikenali seba-

gai Parti Kerja (Working Party) itu akan menganjurkan siri perbincangan membabitkan wakil negara yang memohon dan negara yang berminat untuk hadir.

Katanya, sekretariat itu mengadakan perbincangan terbuka kerana ada negara yang mempunyai kepentingan perdagangan dengan negara pemohon yang berminat untuk hadir supaya dapat mengemukakan pandangan serta sokongan.

"Jawatankuasa berkenaan turut mengkaji permohonan China walaupun ia pernah menjadi pengasas Gatt pada 1948. Berdasarkan kedudukan politik dan ekonomi semasa, tentulah kajian perlu dibuat terhadap permohonan negara itu supaya semua anggota Gatt yang berkepentingan mendapat peluang mengemu-

kakan pandangan," katanya pada Bengkel Gatt di Petaling Jaya, semalam.

Bengkel anjuran Institut Diplomatik dan Hubungan Luar selama empat hari itu berakhir hari ini. Krommenacker dan rakan sejawatannya, Mohammad Hamid diundang sebagai penceramah utama kepada 40 pegawai dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.

Krommenacker berkata, permohonan semula China dijangka diluluskan sebelum Taiwan.

Bagaimanapun, Gatt dijangka menjadi bertambah kukuh jika semua permohonan berkenaan diterima oleh ahli kelak.

Katanya, Gatt kini mempunyai 105 ahli termasuk Amerika Syarikat, negara anggota Kesatuan Eropah dan Malaysia yang mewakili 90 peratus perdagangan dunia.